

06/02/2001

Pelan tangani pekerja diberhenti

KOTA BHARU, Isnin - Kementerian Sumber Manusia mempunyai pelan luar jangka sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlaku pemberhentian pekerja beramai-ramai oleh syarikat asing yang beroperasi di Malaysia jika tempias kelembapan ekonomi Amerika Syarikat memberi kesan kepada negara ini.

Langkah kementerian itu dengan sendirinya membuktikan kesungguhan kerajaan membantu dan menyelesaikan masalah yang mungkin dihadapi pekerja, terutama jika kehilangan pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata Majlis Sumber Pembangunan Manusia (MSPM) sudah diarah menyediakan skim latihan jangka pendek mengikut bidang tertentu untuk pekerja bagi tujuan itu.

"Kementerian sudah bersedia dengan pelan luar jangka bagi menghadapi kemungkinan berlaku pemberhentian pekerja.

"Namun begitu, kerajaan memberi jaminan akan melakukan yang terbaik untuk membantu pekerja," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina anjuran MCA Kelantan di Dewan Perniagaan Cina di sini, malam tadi.

Turut hadir, Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Pengerusi MCA negeri, Leong Su Siang.

Dalam perkembangan lain, Dr Fong berkata, kementeriannya akan menganjurkan perhimpunan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 17 Februari ini yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, perhimpunan itu akan disertai kira-kira 8,000 pekerja yang diberi latihan ICT menggunakan lebih 1,000 komputer dilengkapi Internet.

Katanya, perhimpunan itu juga adalah bukti kepada pekerja bahawa mereka boleh memperoleh ilmu pengetahuan dan menjadi tenaga mahir dengan penggunaan komputer bagi memenuhi permintaan pekerjaan di sektor berkaitan kepentingan ICT.

"Apabila pekerja meluangkan masa sejam sehari untuk belajar komputer, mereka akan memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran baru mengikut bidang diminati," katanya.

Dr Fong yang juga Pengerusi MCA Kelantan berkata, perhimpunan itu mendapat kerjasama syarikat komputer di negara ini dan secara tidak langsung menjadi tarikan dan galakan kepada pekerja mengikuti kursus ICT untuk menjadi pekerja mahir serta berpengetahuan.

Beliau berkata, pekerja di semua sektor berpeluang menghadiri perhimpunan yang julung kali diadakan kementerian itu dan majikan diminta menghantar pekerja bagi menjayakan program.

"Kita merancang memperluaskan perhimpunan itu ke negeri lain supaya lebih ramai pekerja mendapat peluang mempelajari komputer yang diguna secara meluas dalam dunia maju sekarang.

"Kementerian juga sudah meminta MPSM bekerjasama dengan semua majikan bagi mewujudkan lebih banyak kursus dan latihan berkaitan ICT kepada pekerja," katanya.

Menurutnya, kementerian menyediakan skim pinjaman berjumlah RM5,000 setahun melalui skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia (TPSM) untuk pekerja yang berminat mengikuti kursus dan latihan kemahiran membabitkan penggunaan komputer.

(END)